

# Rakyat Malaysia semakin matang, berani menuntut hak

**Kuala Lumpur:** Rakyat semakin matang dalam menuntut hak mereka termasuk sanggup mengambil tindakan mahkamah ke atas kerajaan yang tidak menunaikan janji.

Dekan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Zaid Ahmad, berkata sebelum ini, senario seperti itu jarang berlaku dan sukar dilihat, kini sudah berubah apabila masyarakat sivil di Malaysia semakin berani menuntut hak mereka.

Katanya, ia juga seakan memberi amaran kepada kerajaan supaya tidak hanya pandai menabur janji dan dijadikan manifesto pilihan raya, tetapi mesti menunaikannya selepas menerima mandat daripada rakyat.

## Perlu fikir panjang

“Pada masa akan datang, sesiapa yang dipilih rakyat perlu berfikir panjang khusus ahli politik supaya tidak hanya pandai berjanji tetapi perlu menunaikannya.

“Masyarakat Malaysia kini lebih matang dalam menuntut hak mereka daripada kerajaan yang tidak menunaikan janji. Ia satu proses demokrasi yang bagus dan mendewasakan (mematangkan rakyat),” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam kelmarin yang menolak dengan kos permohonan kerajaan Selangor; Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) untuk membatalkan saman 711 pengguna air.

Pesuruhjaya Kehakiman, Datuk Hashim Hamzah membuat keputusan itu selepas mendengar hujah kedua-dua pihak dan menetapkan 15 April depan untuk prosiding pengurusan kes.